



KHAMIS, 3 MEI 2018

LANGGANI SEKARANG!

edisi digital

NST DIGITAL

DIGITAL BH

HM Paper

http://subscription.nstp.com.my

1300 22 6787

# Metro **kl**assifieds

www.1k.com.my | 1300 808 123 (Tempatan) +603 2299 6000 (Antarabangsa)

DI DALAM :  
TEMPAHAN  
DAN  
CARIAN  
**DAPATKAN  
DI SINI!**



**AUTO**

Kereta  
Trak  
Bas



**NOTIS**

Laporan  
Kewangan  
Tender  
Notis Am



**KLASIFIKASI AM**

Perkhidmatan  
Kecantikan  
Kesihatan  
perabot



**HARTANAH**

Rumah  
Kedai



**KERJAYA**

Sepenuh masa  
Separuh masa  
Latihan  
Skim Graduan



**KERAJAAN**

Laporan  
Kewangan  
Tender  
Notis Umum



**LELONGAN/  
GUAMAN**

Hartanah  
Lelongan  
Guaman

## Elak **BERGOSIP**

*Berbual itu seronok, tapi bergosip perlu dijauhkan untuk elak konflik dalam bersosial.*

**B**ergosip kedengaran seperti satu perkara yang ringan, namun kesannya berat. Gosip boleh merosakkan kepercayaan seseorang kepada kita. Mengumpat atau menyampaikan sesuatu perkara dengan niat tidak baik hanya akan memburukkan keadaan.

Memang ada kala kita bergosip bukan untuk memburukkan seseorang, cuma ingin berbual topik yang panas kononnya. Namun seeloknya aktiviti bergosip perlu dielakkan. Jika kita tidak mahu orang lain bercerita macam-macam mengenai kita, begitu jugalah kita patut elak bercerita mengenai orang lain.

Berikut tip bagaimana kita boleh elak daripada terjebak daripada bergosip.

### **BAHASA TUBUH**

Jika kita tersenyum dan mengangguk-angguk ketika orang bergosip kepada kita, kemungkinan mereka akan berfikir kita menyukainya. Sebaliknya, tunjukkan pada mereka secara

halus kita tidak suka pun sesi gosip mereka. Dahi berkerut, memeluk tubuh atau pandang ke tempat lain untuk menunjukkan kepada mereka kita tidak berminat untuk turut bergosip.

Memang tidak mudah mengambil pendirian tidak bergosip dan menunjukkan kepada si kaki gosip yang juga kawan kita itu bahawa kita tidak gemarkannya. Apa tidaknya takut dia terasa pula nanti. Namun dalam situasi ini kita haruslah mengambil langkah positif supaya tidak terjebak.

### **BERTANYA**

Gosip memang cepat tersebar tak kiralah, di kolej atau di tempat kerja. Ada sahaja si kaki gosip yang pantas menyebarkan cerita. Apabila cerita itu berkaitan kawan atau kenalan kita sendiri, memang tidak selesa dibuatnya.

Apatah lagi apabila dia datang kepada kita dan cepat sahaja membuka cerita tanpa henti. Susah kita hendak mengelaknya. Dalam situasi ini, tanya pada si kaki gosip, kenapa dia menceritakan

semuanya kepada kita. Tanyakan dengan senyuman atau secara santai dan jika dia bijak, dia akan faham kita tidak mahu terlibat.

### **JELAS SITUASI**

Kadang-kadang berterus terang memberitahu kita tidak suka bergosip adalah yang terbaik apatah lagi yang digosipkan kawan kita sendiri. Katakan pada si tukang gosip yang dia sedang gosipkan itu adalah kawan kita. Beritahunya kita mahu menjaga persahabatan dan tidak mahu terjebak dalam masalah nanti disebabkan gosip. Jika si tukang gosip ada akal yang panjang, pasti dia tidak mahu lagi ajak kita bergosip tidak tentu hala.

### **UBAH TOPIK**

Satu lagi cara mengelak terjebak dalam sesi bergosip adalah dengan menukar subjek perbualan. Menukar topik dengan cepat membolehkan seseorang tahu kita tidak melayan gosip, kita bosan dengan topik itu dan mereka tidak perlu bercerita tentangnya. Tukarlah topik yang si kaki gosip lebih sukakan untuk mengalih perhatiannya.

Jika dia terus mahu bergosip, katakan kepadanya kita bosan nak bercakap mengenai orang itu dan ajak dia tukar topik lain.

### **BERLALU PERGI**

Kalau kita berada dalam satu kumpulan yang sedang asyik bergosip, cara terbaik adalah keluar dari kelompok itu buat masa itu. Katakan ada benda lain hendak dibuat dan berlalu pergi. Jika memang itu sahaja aktiviti yang selalu dibuat kumpulan itu, jauhkan terus diri kita daripada mereka. Kita tidak perlu turut sama mengumpat untuk berkawan dengan mereka. Ingat, ada pepatah yang mengatakan kawan kita adalah cermin kepada keperibadian diri kita.

Jika kita perlu berjalan ke arah sekumpulan rakan sedang bergosip, melenconglah ke laluan lain dan cuba elak bergosip sebolehnya.